

ANALISIS KONTRASTIF SISTEM FONOLOGI BAHASA MALAYSIA DAN BAHASA PORTUGIS

LIM MIAU CHIN

Disertasi ini dikemukakan kepada
Universiti Malaya
sebagai memenuhi sebahagian
daripada syarat untuk mendapatkan
IJAZAH SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN

1999

Perpustakaan Universiti Malaya



A510475686

Abstrak

Penyelidikan saya yang bertajuk “Analisis Kontrastif Sistem Fonologi Bahasa Malaysia Dan Bahasa Portugis” ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah sebutan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Melayu semasa mempelajari Bahasa Portugis.

Subjek untuk penyelidikan ini ialah 20 orang pelajar Melayu yang mempelajari Bahasa Portugis di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Dalam ujian pendengaran, subjek diminta mengisikan tempat kosong bersesuaian dengan arahan yang terdapat dalam ujian-ujian. Manakala dalam ujian sebutan, subjek tersebut dikehendaki membaca perkataan yang terdapat dalam ujian-ujian yang telah disediakan tanpa bantuan penyelidik. Rakaman dilakukan semasa mereka membaca.

Daripada ujian pendengaran dan ujian sebutan didapati bahawa subjek tersebut menghadapi masalah sebutan untuk bunyi-bunyi yang hanya wujud dalam Bahasa Portugis Standard dan tidak wujud dalam Bahasa Malaysia Standard .

Berdasarkan analisis kontrastif ini dapat disimpulkan bahawa bahasa ibunda seseorang pelajar memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran dan pengajaran bahasa sasaran.

Abstract

My research entitled “ Contrastive Analysis Of The Phonological Systems Of The Malay Language And The Portuguese Language” aims to identify the pronunciation problems faced by Malay students while learning Portuguese .

The subjects for this study were 20 Malay students learning Portuguese at the Faculty of Languages and Linguistics, University of Malaya. In a listening test, the subjects were required to fill in the blanks according to the instructions given. In a pronunciation test, the subjects were required to read aloud a word list and they were audiotaped.

From the listening and the pronunciation tests, it was found that the subjects faced problems with sounds which only exist in Portuguese and are not found in the Malay language.

Based on a contrastive analysis of Malay and Portuguese, this study concluded that the learners’ mother tongue plays an important role in the learning and teaching of the target language.

Penghargaan

Berkat sokongan dan kerjasama dari pelbagai pihak, penyelidikan ini akhirnya dapat juga disempurnakan.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Cecelia Fredericks yang memberikan dorongan, bimbingan dan bantuan agar saya dapat menyempurnakan penyelidikan ini.

Ucapan ribuan terima kasih serta rasa terhutang budi ingin saya rakamkan kepada Profesor Dato' Dr. Asmah Haji Omar, Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik yang sesungguhnya memberikan saya satu inspirasi untuk menyempurnakan penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah kursus Sarjana Pengajian Bahasa Moden saya di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya iaitu Prof. Dr. Choi Kim Yok, Prof. Madya Puan Zainab Bt. Abd. Majid, Prof. Madya Dr. Balasubramaniam Perumal yang memberikan panduan dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang kursus ini.

Di samping itu, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengarah Instituto Português do Oriente (IPOR) Dra. Ana Paula Laborinho, Pengarah Instituto de Estudos Portugueses, Universiti Macau, Dra. Maria Antonia Espadinha yang menyumbangkan buku-buku dan kamus-kamus Bahasa Portugis supaya saya dapat

menjalankan penyelidikan ini. Pensyarah-pensyarah di Universiti Macau khususnya Dra. Patricia Gonçalves, (pensyarah yang ditugaskan mengajar sistem fonologi Bahasa Portugis di Universiti Macau) yang memberikan bimbingan, panduan dan tunjuk ajar kepada saya dalam sistem fonetik dan fonologi Bahasa Portugis. Selain itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dr. Paulo yang juga menghulurkan bantuan dan menyemak semula bahagian fonetik BPS. Terima kasih juga diucapkan kepada penutur asli Kristang di Perkampungan Portugis, Encik Aloysius Santa Maria.

Bantuan dari pihak-pihak tertentu di Universiti Malaya juga amat saya hargai. Rakan-rakan dan pelajar-pelajar khususnya kepada 20 orang pelajar Melayu yang sudi bekerjasama dengan saya untuk ujian dan rakaman. Terima kasih diucapkan kepada mereka.

Saya juga ingin memberikan penghargaan khas kepada Encik Tan Chee Siang yang menyemarakkan semangat, memberikan sokongan moral dan membantu saya untuk menaipkan tesis ini.

Kepada keluarga saya yang memberikan sokongan sejak dari bangku sekolah lagi, terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada mereka.

Lim Miau Chin
Sarjana Pengajian Bahasa Modern
Fakulti Bahasa Dan Linguistik
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
28 Disember 1998

KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	iii
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL-JADUAL	x
SENARAI RAJAH-RAJAH DAN PETA	xi
DEFINISI ISTILAH BERKAITAN	xii

Bab 1	Pengenalan Dan Latar Belakang Kajian	1
1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Bahasa Malaysia	2
1.2	Standard(BMS)	
1.2.1	Latar Belakang Bahasa Portugis	6
1.2.2	Standard(BPS)	
1.2.1.1	Bahasa Portugis Di Afrika	12
1.2.1.2	Bahasa Portugis Di Asia	13
1.2.1.3	Bahasa Portugis Di Malaysia	14
1.3	Pengajaran Bahasa Portugis Di Malaysia	16
1.4	Pernyataan Masalah	17
1.5	Objektif	18
1.6	Kepentingan Kajian	19
1.7	Batasan Penyelidikan	20
Bab 2	Resensi Penyelidikan Yang Berkaitan	21
2.1	Pengenalan	21
2.2	Hipotesis CA	24
2.3	Gangguan	25
2.4	Kritikan Dan Implikasi Analisis Kontrastif	29
2.4.1	Dalam Pedagogi	
2.5	Kesimpulan	32
Bab 3	Metodologi Penyelidikan	34
3.1	Model Struktural	34

3.2	Kerangka Teoretikal Dalam Penyelidikan	35
3.3	Pengumpulan Data	37
3.4	Sampel	38
3.5	Alat-Alat Yang Digunakan	38
3.6	Prosedur	41
Bab 4	Sistem Bunyi Bahasa Malaysia Standard (BMS)Dan Bahasa Portugis Standard (BPS)	42
4.1	Sistem Bunyi Bahasa Malaysia Standard (BMS)	42
4.1.0	Pengenalan	42
4.1.1	Sistem Vokal	42
4.1.1.1	Kedudukan Lidah	43
4.1.1.2	Bahagian Lidah	43
4.1.1.3	Bentuk Bibir	44
4.1.1.4	Sistem Vokal Bahasa Malaysia Standard (BMS)	45
4.1.1.4.1	Vokal Depan	46
4.1.1.4.2	Vokal Tengah	48
4.1.1.4.3	Vokal Belakang	49
4.1.1.4.4	Penyengauan Vokal	50
4.1.1.4.5	Diftong	51
4.1.1.4.6	Rangkap Vokal	53
4.1.2	Sistem Konsonan	54
4.1.2.0	Kriteria-kriteria Untuk Mendeskripsikan Bunyi-bunyi Konsonan	55
4.1.2.1	Konsonan Plosif	59
4.1.2.2	Konsonan Sengau	63
4.1.2.3	Konsonan Afrikat	64
4.1.2.4	Konsonan Frikatif	65
4.1.2.5	Konsonan Lateral	66
4.1.2.6	Konsonan Getaran	66
4.1.2.7	Konsonan Pinjaman Bahasa Malaysia Standard (BMS)	67
4.1.3	Separuh Vokal	70
4.1.4	Rangkap Konsonan	71
4.2	Sistem Bunyi Bahasa Portugis Standard (BPS)	72
4.2.1	Sistem Vokal	72

4.2.1.1	Daerah Artikulasi	73
4.2.1.2	Darjat Keluasan Mulut	74
4.2.1.3	Rongga Mulut	75
4.2.2	Vokal Oral	75
4.2.3	Vokal Nasal	80
4.2.4	Diftong	82
4.2.5	Trifong	93
4.2.6	Rangkap Vokal	94
4.3	Konsonan	97
4.3.1	Konsonan Plosif	99
4.3.2	Konsonan Sengau	102
4.3.3	Konsonan Frikatif	103
4.3.4	Konsonan Lateral	106
4.3.5	Konsonan Getaran	108
4.3.6	Rangkap Konsonan	109
Bab 5	Hasil Penyelidikan	111
5.1	Pengenalan	111
5.1.1	Hasil Ujian Pendengaran	111
5.1.2	Hasil Ujian Sebutan	120
Bab 6	Analisis Kontrastif Fonem BMS Dan BPS	127
6.0	Pengenalan	127
6.1	Analisis Kontrastif Konsonan	127
6.1.1	Analisis Kontrastif Fonem Konsonan Plosif Dalam BMS Dan BPS	129
6.1.2	Analisis Kontrastif Fonem Konsonan Sengau BMS Dan BPS	132
6.1.3	Analisis Kontrastif Fonem Konsonan Frikatif BMS Dan BPS	134
6.1.4	Analisis Kontrastif Fonem Konsonan Lateral BMS Dan BPS	137
6.1.5	Analisis Kontrastif Fonem Konsonan Getaran Uvular BPS	138
6.1.6	Analisis Kontrastif Fonem Separuh Vokal BMS Dan BPS	139
6.1.7	Analisis Kontrastif Rangkap Konsonan BMS Dan BPS	140

6.2	Analisis Kontrastif Fonem Vokal BMS Dan BPS	142
6.2.1	Analisis Kontrastif Fonem Vokal Depan BMS Dan BPS	142
6.2.2	Analisis Kontrastif Fonem Vokal Belakang Oral BMS Dan BPS	145
6.2.3	Analisis Kontrastif Fonem Vokal Tengah Oral BMS Dan BPS	146
6.3	Analisis Kontrastif Fonem Rangkap Vokal BMS Dan BPS	148
6.4	Analisis Kontrastif Diftong BMS Dan BPS	149
6.5	Analisis Kontrastif Trifong BPS	149
Bab 7	Kesimpulan	151
7.1	Kesimpulan	151
7.2	Aplikasi Pedagogi	153
7.3	Cadangan	154
Bibliografi		156
Lampiran		164

SENARAI JADUAL-JADUAL

JADUAL		MUKA SURAT
6 (i)	Kontras Fonem Konsonan Plosif BMS Dan BPS	132
6 (ii)	Kontras Fonem Konsonan Sengau BMS Dan BPS	134
6 (iii)	Kontras Fonem Konsonan Frikatif BMS Dan BPS	137
6 (iv)	Kontras Fonem Konsonan Lateral BMS Dan BPS	138
6 (v)	Kontras Fonem Separuh Vokal BMS Dan BPS	140
6 (vi)	Kontras Fonem Rangkap Konsonan BMS Dan BPS	141
6 (vii)	Kontras Fonem Vokal Depan BMS Dan BPS	144
6 (viii)	Kontras Fonem Vokal Belakang BMS Dan BPS	146
6 (ix)	Kontras Fonem Vokal Tengah BMS Dan BPS	147
6 (x)	Kontras Fonem Rangkap Vokal BMS Dan BPS	148

SENARAI RAJAH- RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Enam Vokal BMS	46
2	Diftong BMS	52
3	Organ- Organ Artikulasi	58
4	Sistem Konsonan BMS	60
5	Klasifikasi Vokal Mengikut Darjat Keluasan Mulut BPS	74
6	Kedudukan Jenis Vokal BPS	75
7	Diftong Oral Menurun BPS	83
8	Diftong Nasal Menurun BPS	84
9	Diftong Oral Menaik BPS	85
10	Diftong Nasal Menaik BPS	85
11	Sistem Konsonan BPS	98
12	Kontras Sistem Konsonan BMS Dan BPS	128
13	Fonem Konsonan Plosif BMS Dan BPS	130
14	Fonem Konsonan Sengau BMS Dan BPS	132
15	Fonem Konsonan Frikatif BMS Dan BPS	134
16	Fonem Konsonan Lateral BMS Dan BPS	137
17	Fonem Separuh Vokal BMS Dan BPS	139
18	Fonem Vokal BMS Dan BPS	143
 Peta		
PETA		Muka Surat
1	Negara-negara Yang Menggunakan Bahasa Portugis	9
2	Dialek-dialek Bahasa Portugis	11

Definisi Istilah

Analisis Kontrastif-dalam analisis kontrastif untuk dua bahasa, unsur-unsur struktur yang berbeza dikenal pasti dan seterusnya dikaji sebagai kerumitan yang mungkin dihadapi dalam pembelajaran bahasa sasaran. (David Crystal:1997:90)

Bahasa Malaysia Standard (BMS)-Bahasa Malaysia Standard merupakan kelainan bahasa yakni dialek yang diterima oleh semua anggota dalam masyarakat bahasa yang berkenaan, yang dijadikan dialek prestij yakni sebagai dialek yang digunakan dalam hubungan tidak bersahaja, urusan rasmi dan juga dialek yang digunakan sebagai bahasa pengantar pelajaran. (Asmah Haji Omar: 1977:2)

Bahasa Nativ-bahasa ibunda penutur; juga dikenali sebagai bahasa sumber atau B1(L1). (Kamus Linguistik:1997:30)

Bahasa Portugis Standard (BPS)-Bahasa Portugis Standard merupakan bahasa yang digunakan oleh media-massa, bahasa kebangsaan serta bahasa komunikasi di Portugal dan di seluruh dunia. (Kamus Dicionário Prático Ilustrado:1990:938)

Bahasa Sasaran-bahasa asing yang dipelajari oleh pelajar; juga dikenali sebagai bahasa asing atau bahasa kedua B2 (L2). (Kamus Linguistik:1997:34)

Dialek-variasi bahasa yang berbeza-beza menurut pemakai di tempat tertentu. (Harimurti Kridalaksana:1983:34)

Diftong-cantuman dua bunyi vokal yang disebut dalam satu suku kata akibat perubahan kedudukan lidah. (Kamus Linguistik:1997:62)

Fonem-unit terkecil abstrak yang membezakan makna jika berdasarkan fungsi. (Kamus Linguistik:1997:74)

Fonetik-pengkajian tentang bunyi yang dihasilkan oleh manusia iaitu bunyi bahasa, bunyi bukan bahasa dan bunyi pinggiran. Pengkajian itu memberikan lambang fonetik untuk bunyi-bunyi tersebut. (Kamus Linguistik:1997:75)

Fonemik-cabang fonologi yang menitikberatkan analisis sistem bunyi sesuatu bahasa secara sinkronik. (Kamus Linguistik:1997:75)

Fonologi-cabang linguistik yang mengkaji fonem sesuatu bahasa dan fungsinya di dalam sistem fonologi bahasa tersebut. Fonem disusun dalam satu sistem bezaan dan kemudian dianalisis dari segi fitur distingtif atau unsur fonologi yang lain sesuai dengan teori yang digunakan. (Kamus Linguistik:1997:76)

Gangguan-kelainan-kelainan daripada norma-norma dalam mana-mana bahasa yang telah muncul dalam pertuturan mereka yang berdwibahasa. (Weinreich:1953:1)

Konsonan-bunyi bahasa yang dihasilkan dengan menghambat aliran udara pada salah satu tempat di saluran suara di atas glotis. (Harimurti Kridalaksana:1983:91)

Pemindahan-dalam teori pembelajaran, pemindahan kelaziman pembelajaran dari satu bahasa ke dalam bahasa yang lain. Pemindahan positif ialah pemindahan kelaziman dari bahasa ibunda ke dalam bahasa sasaran dan pemindahan ini menyenangkan pembelajaran bahasa sasaran. Pemindahan negatif pula ialah pemindahan dari bahasa ibunda ke dalam bahasa sasaran yang mengganggu pembelajaran bahasa sasaran. (Richards.J.C:1995:386)

Rangkap Konsonan-dua konsonan yang hadir berurutan. (David Crystal:1997:65)

Rangkap Vokal- dua atau lebih vokal hadir berurutan tetapi setiap vokal mempunyai ciri satu suukata. (Abdullah Hassan:1987:77)

Separuh Vokal-bunyi bahasa yang mempunyai ciri-ciri vokal dan konsonan dan biasanya tidak hadir sebagai inti suukata. (Harimurti Kridalaksana:1983:151)

Triftong-cantuman tiga bunyi vokal yang disebut dalam satu suku kata akibat perubahan kedudukan lidah. (Kamus Linguistik:1997:218)

Vokal-bunyi bahasa yang dihasilkan dengan menggetarkan pita suara tanpa sebarang sekatan atau penyempitan dalam rongga mulut atau rongga nasal. (Harimurti Kridalaksana:1983:177)